

Siswa UMS rai penghuni Rumah Anak Yatim Tambunan

4 NST 4.12.15 5

TAMBUNAN: Seramai 120 penghuni Rumah Anak Yatim Tambunan diraikan siswa-siswi Universiti Malaysia Sabah (UMS) dalam satu program lawatan ke rumah kebajikan tersebut baru-baru ini.

Program lawatan anjuran Kursus Seni Khat, Pusat Kokurikulum dan Kemajuan Pelajar (PKPP) dengan kerjasama Pusat Islam UMS melibatkan 80 pelajar UMS yang diketuai pensyarah Kursus Seni Khat, Jimmis Jumaat.

Menurut Jimmis, program itu antara lain bagi mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara pelajar universiti dengan penghuni rumah-rumah kebajikan seperti Rumah Anak Yatim Tambunan.

"Melalui program ini juga kita dapat menerapkan lima kemahiran insaniah kepada pelajar-pelajar UMS iaitu kemahiran komunikasi, pemikiran kritis dan menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan, moral dan etika profesional, serta kemahiran kepimpinan," ujar Jimmis.

inan," katanya.

Beliau menambah, beberapa aktiviti berasaskan membina kumpulan yang dijalankan bersama anak-anak yatim yang terdiri daripada kanak-kanak dan golongan remaja juga mampu meningkatkan daya kreativiti sekali gus mencungkil bakat anak-anak yatim tersebut.

Selain aktiviti bersama penghuni Rumah Anak Yatim Tambunan katanya, rombongan UMS turut menyampaikan sumbangan berupa wang, peralatan sukan, buku dan bekas pensil sebagai persediaan kepada anak-anak yatim tersebut menjalani sesi persekolahan pada tahun hadapan.

"Usaha pihak UMS membawa pelajar-pelajarnya untuk giat dalam aktiviti kemasyarakatan seperti ini diharap mampu menjadi teladan kepada masyarakat luar khususnya agensi kerajaan dan swasta yang lain dalam memupuk kesedaran terhadap nasib dan masalah golongan kurang bernasib baik ini," ujar Jimmis.



CENDERA KENANGAN... Jimmis menyampaikan cenderamata kepada Pengetua Rumah Anak Yatim Tambunan, Ustaz Saifudin Rusiman.